

# Akhirnya Nur Yusrina kibar bendera S'pura di puncak Everest



**BEREHAT SEBELUM SAMPAI KE PUNCAK:** Pasukan NTU-NIE Everest Team Singapore yang dianggotai Cik Nur Yusrina (*tengah*), Encik Tong (*berbaju biru*) dan Dr Saravana (*kanan*) berehat dalam khemah mereka sebelum meneruskan pendakian ke puncak. – Foto NTU-NIE EVEREST TEAM

NAMA Cik Nur Yusrina Ya'akob akan sentiasa terukir dalam lipatan sejarah sebagai wanita Melayu/Islam Singapura pertama yang berjaya ke puncak Everest.

Pencapaiannya itu bukanlah tanpa cabaran dan rintangan.

Genap dua tahun setelah gempa bumi yang menggonggong Nepal membatalkan percubaan pertamanya mendaki gunung tertinggi dunia itu, Cik Nur Yusrina akhirnya membuktikan kebolehannya menakluki Everest.

Guru pelatih yang mengikuti program Diploma Lepasan Ijazah dalam Pendidikan Jasmani di NIE dan berusia 30 tahun itu merupakan sebahagian daripada pasukan NTU-NIE Everest Team Singapore.

Pasukan tersebut terdiri daripada dua lagi warga Singapura – Dr Arjunan Saravana Pillai, 47 tahun, felo pengajaran daripada Institut Pendidikan Nasional (NIE) di Universiti Teknologi

Nanyang (NTU); dan Encik Jeremy Tong, 26 tahun, graduan program Sains Sukan dan Pengurusan NTU.

Namun, hanya Cik Nur Yusrina seorang yang berjaya sampai ke puncak Gunung Everest yang tingginya 8,848 meter itu sekitar 9.40 pagi waktu tempatan (11.55 pagi waktu Singapura) pada Isnin, 22 Mei lalu.

Cik Yusrina dan Encik Tong meninggalkan Everest Base Camp South pada Jumaat, 19 Mei.

Dr Saravana tidak mengikuti mereka kerana beliau tidak sihat.

Mereka tiba di Base Camp 4, perhentian terakhir sebelum ke puncak, iaitu kira-kira 7,950 meter di atas paras laut, pada tengah hari Ahad, 21 Mei, sebelum meneruskan percubaan ke puncak gunung petang itu.

Bagaimanapun, Encik Tong terpaksa berpatah balik kerana mengalami masalah pernafasan.

Beliau berada di ketinggian 8,480 meter ketika itu, hanya 360 meter dari puncak.

Cik Nur Yusrina, ditemani jurupandunya, Encik Dukchung Lama dan Encik Nosang Bhote, meneruskan percubaan dan akhirnya berjaya mencapai puncak Gunung Everest.

Memuji kejayaan Cik Nur Yusrina yang sangat membanggakan itu, Encik Tan Chin Hwee, anggota Lembaga Pemegang Amanah NTU, berkata:

"Mencapai puncak gunung tertinggi dunia merupakan pencapaian yang benar-benar luar biasa oleh Nur Yusrina."

"Kita semua tahu betapa bahayanya keadaan di Everest dan ia memerlukan keberanian, disiplin dan kegigihan untuk mencuba ekspedisi sebegitu."

*Berita Harian difahamkan bahawa Cik Nur Yusrina sudah pun kembali ke Base Camp. – NUR FATHIN AWALLUDIN*